

## **ACEH: PUSAT DAKWAH ISLAMIYAH PADA ABAD KE 16 DAN KE 18**

Sidik Haji Baba  
Fakulti Usuluddin  
Akademi Islam Universiti Malaya

*The article describes the arrival of Islam in Aceh and the development of Islamic administration in the area. It also discusses the expansion of Islamic education.*

### **1. Pendahuluan**

Aceh terletak di sebelah utara Pulau Sumatera dan merupakan bahagian yang paling ke Barat dan paling ke Utara dari Kepulauan Indonesia. Di sebelah baratnya terbintang lautan Hindi manakala di sebalah utaranya pula terletak Selat Melaka. Pulau-pulau berhampirannya juga termasuk dalam Wilayah Aceh yang di anggarkan keluasannya kira-kira 55.392 kilometer persegi.<sup>1</sup> Kedudukan Aceh yang berhampiran dengan selat Melaka menjadikan tempat perhubungan

---

<sup>1</sup>Drs. Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Aceh dalam tahun 1520-1675*, penerbit DJL. Pandu, Medan, Indonesia, 1972, hal. 16.

gan antara pedagang dari cina dan India. Negara ini mengeskpot lada hitam dan emas ke negara-negara Eropah, Cina, India, negara-negara Arab dan lain-lain. Dengan sebab itulah, maka Aceh menjadi tempat tumpuan saudagar-saudagar dari negara-negara tersebut dan juga dari negara-negara rantau Nusantara ini. Aceh juga menjadi pusat pelabuhan, pusat persinggahan, pusat perdagangan, dan pusat penyebaran agama Islam yang terkenal selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511M.

Terdapat berbagai-bagi buni sebutan mengenai nama Aceh itu sendiri khasnya kepada bangsa asing, contohnya, orang Itali dan Portugis menyebutnya: Achem, Acen, orang Arab: Asyi, Dachem, Daging, Dacin. Penulis-penulis Peranchis: Achem, Achen, Acheh. Orang-orang Inggeris pula: Atcheen, Acheen, Achin, orang-orang Belanda: Achem, Achin, Atchin, Atchem, Atjin, Atsjiem, Atsjeh, Atjeh. Manakala orang-orang Cina pula: Atje, Tash. Orang tempatan pula memanggil: Atjeh.

## 2. Teori Kedatangan Agama Islam Ke Aceh

Sebelum kedatangan Islam, Aceh di pengaruhi oleh Agama Hindu dan Buddha. Di samping itu juga terdapat di kalangan rakyatnya yang menganut agama Animesma dan agama nenek -moyang mereka. Mereka percaya pada hantu-hantu dan tempat-tempat yang di anggap sakti. Tempat-tempat ini dijadikan sebagai tempat mereka meminta dan memohon perlindungan. Kepercayaan seperti ini masih terdapat di sana sini di Aceh hingga ke hari ini.

Masyarakat yang menerima agama Islam di Aceh pada tahap permulaan terdiri dari 2 kelompok masyarakat yakni masyarakat yang masih menganut agama nenek moyang dan masyarakat yang mungkin telah menganut agama Hindu tetapi kemudian apabila kedatangan Islam mereka menerima Islam. A.H.Hill mengemukakan teori bahawa Sultan Malik as-Salleh yang menjadi raja Islam pertama di Nusantara pada mulanya salah seorang penduduk asli Pasai yang bergelar Merah Silu dan menerima Islam serta menukar nama kepada Malik as-Salleh.<sup>1</sup> Dengan demikian dapat dikatakan bahawa penerima Islam yang pertama di Aceh ialah penduduk yang tinggal di Wilayah Pantai Timur, Pasai dan Perlak yang pada asalnya pengikut agama pemujaan nenek-moyang. Manakala di Wilayah besar Aceh, kemungkinan mereka masih memeluk agama Hindu. Buktinya terdapat nama tempat-tempat di Wilayah Besar Ache seperti Indrapura. Inderapatra, Indrapuri dan di daerah Indrapura, terdapat sebuah kepala arca Buddha yang menunjukkan gaya arca Buddha dari Selatan India. Semua bukti ini menunjukkan bahawa masyarakat Aceh terlebih

---

<sup>1</sup>Ahmad, *Ulasan Sejarah Melayu* penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, cetakan 2, 1978 hal. 14.

dahulu menerima: Agama Hindu dan Buddha sebelum kedatangan agama Islam.

Islam yang masuk ke Aceh khususnya dan kepulauan Melayu lain umumnya melalui jalan perdagangan yang berhampiran dengan pantai, kemudian tersebar ke kawasan pedalaman. Pedagang-pedanggang dan mubaligh Islam telah memainkan peranan dalam penyebaran agama Islam di rantau ini. Perkahwinan pedagang-pedanggang Islam dengan puteri-puteri raja dan wanita-wanita tempatan mempercepatkan lagi perkembangan Islam di rantau ini.<sup>1</sup>

Menurut pendapat Dr. A. Mukti, bahawa kemasukan Islam ke Aceh melalui saudagar-saudagar dari India. Ini dijelaskan seperti berikut:

Sejarah telah mencatat, bahawa Islam yang datang di Indonesia ini adalah dibawa dari India, di mana Islam tidak lepas daripada pengaruh-pengaruh Hindu. Timbulnya Islam dengan elemen-elemen Hindu menambah mudahnya tersiar agama itu di kalangan masyarakat di Indonesia, istimewanya masyarakat Jawa kerana sudah lama kenal dengan ajaran Hindu itu.<sup>2</sup>

Terdapat juga teori yang mengatakan bahawa Aceh diIslamkan oleh mubaligh-mubaligh dari tanah Arab secara langsung. Mereka berhujah dengan membawa pendapat-pendapat seperti; M. Cardier, seorang pengarang Perancis yang pernah tinggal di Tiongkok, dalam bukunya bernama CES MUSIMAN DUYUNAN ada menyebut bahawa pada abad pertama hijrah di Kanton terdapat ramai orang Islam yang datang dari Arab dan Parsi, mereka datang ke Kanton melalui jalan darat dan jalan laut.

Seorang Profesor Cina, Hau Yu, menerangkan bahawa rombongan pertama Kerajaan Islam yang datang ke negara Cina ialah pada tahun 651M/30H yakni di masa Khalifah Usman bin Affan, memerintah (23 - 35H/644 - 656M).

Di masa Khalifah Usman bin Affan, sudah ada orang Islam Arab di Kota Kanton, orang Arab menamakan kota itu "ZAITUN". Mereka itu datang melalui jalan darat dan jalan laut. Jalan laut yang ditempuhi oleh mereka ialah

---

<sup>1</sup>Raden Hoesein Djajadinigrat, *Kesultanan Aceh*, (terj. Tengku Hamid, departmen Pendidikan dari kebudayaan Projek Pengembangan permuseuman daerah Istimewa Aceh, 1982/1983. Keneth W.Morgan (ed) *Islam Jalan Mutlak*,<sup>3</sup> diterjemahkan oleh Abu Salamah, Chaidir Anwar dan Harun al-Rasyid, P.T. Pembangunan, Djakarta, t.t. hal. 124.

<sup>2</sup>Lihat dalam Drs. Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Aceh dalam Tahun 1520-1675*, hal. 23.

melalui India Selatan iaitu Malabar dan Sailon. Sebelum itu mereka sudah sampai di hujung Pulau Sumatera Utama iaitu Aceh.<sup>1</sup>

Di dalam buku sejarah Melayu ada menyebut bahawa:

Nabi s.a.w. ada menyebut mengenai sebuah negeri bernama amudra. Baginda menyuruh para sahabat pergi ke negeri tersebut untuk mengIslamkan penduduknya. Baginda berpesan kepada para sahabatnya supaya membawa serta raja negeri Muktabar. Tida berapa lama kemudian kedengaran di negeri Mekah mengenai Samudra dan Syarif di Mekah menghantar sebuah kapal, nakhodanya bernama Syeikh Ismail. Kapal tersebut singgah di negeri Muktabar. Sultan Muhammad iaitu Sultan Muktabar mendengar kapal hendak ke Samudra atas perintah Nabi s.a.w. baginda turun dari takhta dan melantik anaknya yang sulung menjadi Sultan. Sultan Muhammad bersama-sama anaknya yang bungsu mengikuti kapal itu ke Samudra dengan berpakaian seperti fakir.<sup>2</sup>

Kapal utusan tersebut singgah di negeri Kasuri, Lamiri, Haru dan Perlak serta mengIslamkan orang-orang di situ, kemudian kapal itu belayar ke Samudra. Fakir Muhammad menemui Merah Silu. Merah Silu dilaksanakan dan diajar dua kalimah syahadat dan malamnya Merah Merah Silu bermimpi bertemu dengan nabi Muhammad s.a.w. lalu Nabi menyuruh Merah Merah Silu mengangkan mulut dan diludahi mulutnya. Bila baginda terjaga dari tidurnya, tubuhnya berbau wangi, bau nawastu. Mera Silu dirajakan di samudra memakai nama Sultan Malik as-Saleh. Orang besar Samudra Seri Kaya, memakai nama Sidi Ali Ghathauddin dan Bawa Kaya memakai nama Sidi Ali Hisyamuddin.<sup>3</sup>

Walau bagaimanapun berdasarkan catatan dan buku sejarah yang menyebut tentang tarikh permulaan kemasukan Islam ke Aceh ialah lebih kurang dalam tahun 1205M lagi. Antarnya ialah:

Berdasarkan catitan-catitan Marco Polo seorang pengembala menyebut bahawa penduduk Perlak mula-mula dilaksanakan oleh pedagang-pedagang Islam dari Gujerat dan kemudian penduduk Samdura Pasai dilaksanakan apabila rajanya Merah Silu memeluk Islam. Berdasarkan makamnya yang ditemui, terdapat

---

<sup>1</sup>Petikan dari Tengku H. Abdullah UJONG RIMBA, "Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara" bertajuk: Daerah Manakala yang agama, *Islam di Nusantara* tanggal 25 - 30 September 1980.

<sup>2</sup>Tun Sri Lang, *Sejarah Melayu*.

<sup>3</sup>Ismail Ahmad, *Ulasan Sejarah Melayu*, penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, cetakan ke 2, 1978, hal. 14.

tulisan Sultan Malik as-Saleh raja yang tulus, wafat pada 696H (1297). Di Melaka juga terdapat satu riwayat yang menyatakan bahawa raja Samudra yang pertama adalah seorang penyembah berhala dan telah memeluk Islam antara tahun 1270 dan 1275 dan bergelar Malik as-Saleh.<sup>1</sup>

Berdasarkan catatan Ibnu Batutah, beliau telah mengunjungi Samudera semasa zaman pemerintahan Sultan Malik al-Tahir (1377M) dalam perjalannya ke Cina. Beliau menyebut bahawa Islam telah tersebar di sana hampir seabad yang lalu. Beliau menceritakan tentang kesolehan dan ketaatan raja dan rakyatnya dan mereka mengikut Mazhab Syafie. Beliau juga menyebut tentang Malikul al-Tahir, selalu membuat perbincangan al-Quran pada tiap-tiao hari Jumaat beliau pergi ke masjid dengan berjalan kaki. Beliau juga turut menyebarkan agama Islam kepada orang-orang kafir di daerah pendalaman dan menyeru mereka memeluk Islam.<sup>2</sup>

Berdasarkan fakta-fakta tersebut dapat diketahui bahawa bahagian hujung Sumatera Utara yakni Aceh adalah daerah pertama yang dikunjungi oleh orang-orang Islam yang datang dari negara Arab kerana daerah itu merupakan pintu gerbang bagi Selat Melaka yang harus disinggahi oleh pedagang-pedagang Arab, Parsi dan India untuk sampai ke China.

Ringkasnya, teori kedatangan Islam dapat disimpulkan kepada dua bahagian:

Pertama:

Melalui Parsi dan Gujerat atau India. Antara tokoh-tokoh yang mengatakan demikian ialah Snouck Hurgrenje, H.J. van da Berg, Husein Djajanin-grat, H. Kraemer dan lain-lain.

Kedua:

Melalui Jazirah Arab secara terus. Antara tokoh-tokoh sejarah yang menyatakan demikian ialah Groeneveld, Dr. Hamka, T.M. Arnold dan lain-lain.<sup>3</sup>

Para sarjana sejarah mempunyai pandangan yang berbeza mengenai

---

<sup>1</sup>Drs. Zakaria Ahmad *Sekitar Kerajaan Aceh dalam tahun 1520-1675*, hal. 20.

<sup>2</sup>Ibid., hal. 21.

<sup>3</sup>Sila lihat Tengku H. Abdullah Ujong Rimba, "Daerah Manakah Yang Mula-mula Menerima Agama Islam Di Nusantara", SEMINAR 25-30 September 1980.

tarikh kedatangan agama Islam ke Aceh. Ada di antara mereka menyatakan bahawa agama Islam datang ke Aceh pada abad ke 12 dan ke 13. Manakala terdapat juga ahli sejarah yang menyatakan kedatangan Islam ke Aceh sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi iaitu tahun pertama Hijriyah. Pendapat ini berdasarkan sebuah hadis Nabi yang berbunyi,

"Tuntutlah ilmu walaupun ke Negeri Cina".<sup>1</sup>

Dengan galakan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. itu, maka orang-orang muslimin telah belayar hingga ke negeri Cina dan singgah ke Aceh serta menyebarkan Islam di sana.

## 2. Kelahiran Aceh Sebagai Sebuah Negara Islam

Berdasarkan catatan-catatan yang telah dikemukakan di atas ini maka satu kesimpulan yang boleh dibuat, bahawa Islam datang ke Aceh dalam tahun 1270M, tetapi perkembangan dan penghayatan Islam dalam pemerintahan negara sepenuhnya sebagai sebuah kerajaan atau kesultanan Islam yang membangun bermula kira-kira dalam abad yang ke 16 dan ke 17. Kerajaan ini muncul dan berkembang dengan pesatnya selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka yang dahulunya sebagai pusat kegiatan agama dan perdagangan antarabangsa, dan kerajaan Islam Pasai yang ujud di Nusantara sebelum Kerajaan Melaka lagi.

Wilayah-wilayah kekuasaan aceh meliputi hampir seluruh pulau Sumatera dan sebahagian besar daripada Tanah Melayu termasuk Perak, Johor dan Pahang. Wilayah-wilayah di bawah jajahannya ini kemudiannya disatukan dan letak di bawah kekuasaan Kesultanan Aceh dan dianggap sebagai sebuah empayar Islam yang teragong dan amat berpengaruh di Asia Tenggara.

Pada abad ke 16 dan 17, Kerajaan Aceh Darussalam merupakan sebuah kesultanan Islam yang agong, yang mendapat perhatian utama daripada kerajaan-kerajaan Islam dunia ketika itu, seperti Kerajaan India dan Turki. Ini jelas terbukti melalui sistem pemerintahan yang dijalankan, nama atau gelaran jawatan dalam kerajaan, gelaran yang dipakai oleh sultan-sultannya serta bendera yang digunakan. Ini tidaklah menghairankan, Kerajaan Aceh telahpun menj-

---

<sup>1</sup>Bagi setengah pendapat ulama hadis menyatakan ini bukan hadis terapi kata-kata hikmah yang menggalakkan umat Islam menuntut ilmu pengetahuan walaupun terpaksa merempuh lautan dan rimba yang jauh dari negeri mereka hingga ke negeri Cina. Dalam buku *Sejarah Umat Islam*, oleh Prof. Dr. Hamka, hal. 421 - 424, terdapat perbahasan dan beberapa pandangan dari kepercayaan turun temurun yang Islam datang ke Nusantara melalui orang-orang Arab dari Negeri Arab.

linkan hubungan yang rapat dengan kerajaan Turki Osmani pada ketika itu.<sup>1</sup> Menurut tengku Luckman Sinar S.H. el-Hajj bahawa, perhubungan yang dibuat adalah dari sudut keagamaan dan juga ketenteraan.

"Di antara Kerajaan Turki Osmani di Intanbul dan kerajaan Moggol Islam di India dan Kerajaan Aceh Darussalam bertali teguh sekali apatah kerana semua fahaman Sunni."<sup>2</sup>

Kerajaan Aceh telah dianggap sebagai wakil kepada kerajaan Islam dunia di sebelah Timur. Ini adalah kerana Aceh telah mengalami kepesatan kegiatan politik Islam dan telah mengalami perkembangan keilmuan Islam yang tinggi dan pesat. Dalam abad ke 16 lagi Aceh sudah menjadi pusat kegiatan ilmu pengetahuan. Ramai orang-orang dan penuntut-penuntut ilmu pengetahuan dari rantau Nusantara telah datang ke Aceh untuk menuntut ilmu di sana.

#### 4. Sikap Rakyat Aceh Sangat Menghormati Ulama

Aceh ketika itu sudah mempunyai ramai alim ulama sama ada anak tempatan atau ulama dari luar dan tinggal bermustautin di Aceh. Antara anak-anak tempatan ialah seperti Syeikh Aminuddin Abdul Rahman bin Ali al-Fansuri yang mendapat pendidikan dari Mekah, yang merupakan seorang ulama yang paling terkenal di Aceh. Syeikh Abdul Rauf orang Singkel, ulama yang masyhor kerana ajaran tasawwuf dalam Tarikat Syawariyah dan Syeikh Abdul Rauf dari Barus atau dikenali juga dari Fansur yang terkenal dengan keahlilan dalam hukum-hukum syarak dan tafsir.<sup>3</sup>

Tidak kurang juga ramai para ulama datang ke Aceh dari Timur Tengah untuk mengembangkan dakwah Islamiyah di samping memperkembangkan ilmu agama dengan menjadi guru agama di daerah-daerah yang terdapat di Aceh pada masa itu. Antara ulama tersebut ialah Syeikh Abdul Qadir, Ibnu Hajar dan Syeikh Muhammad Yamani yang datang dari Mekah pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Syah, dan juga dalam zaman pemerintahan Sultan berikutnya datang ke Aceh beberapa orang ulama yang masyhor seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri dari Negeri Ranir di Gujerat, Syeikh Ibrahim asy-

---

<sup>1</sup>Sila lihat Drs. H.M. Ali Muhamad, "Bagaimana cara masuk dan berkembangnya Islam di Aceh", *SEMINAR*, hal. 14.

<sup>2</sup>Tengku Luckman S.H. al-Haj, *Seminar Sejarah Mauk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantar*, Vo. i, Paper 5 hal. 4.

<sup>3</sup>Sila lihat, Prof. Dr. Hamka, *Sejarah Umat Islam*, hal. 568.

Syami dari Negeri Syam (Syria) dan sebagainya.<sup>1</sup>

Antara perkara yang tidak boleh dipandang rendah ialah sikap para pemerintah khasnya dan rakyat umum amnya sangat menyanjungi orang-orang yang berilmu. Menurut Prof. Dr. Hamka, dalam bukunya *Sejarah Umat Islam*, menyebut:

"Apabila datang seorang alim dari luar negeri, setelah diketahui bahawa dia benar-benar orang berilmu, mendapatlah dia tempat istimewa di Aceh, dan tidak dipandang apa bangsanya.

## 5. Kegiatan Ilmu Pengetahuan Dan Penyebaran Islam

Aceh pernah digelar sebagai Serambi Mekah memandangkan kepada kepesatan keilmuan di sini. Faktor lain yang menggalakkan pertumbuhan Aceh sebagai pusat keilmuan ialah sultan-sultannya yang sangat cintakan ilmu pengetahuan. Sultan Alauddin Riayat Syah yang memandangkan penting Hamzah Fansury telah melantik beliau sebagai penasihat dalam kerajaan di samping sebagai penulis yang menghasilkan banyak karya buku-buku di Aceh untuk menyebarluaskan ilmu agama kepada penduduk di Nusantara. Ulama-ulama dari luar juga seperti dari Turki, Farsi, Tanah Arah, India dan Gujerat dan sebagainya, untuk menjadi penasihat-penasihat kepada kerajaan dan guru-guru kepada institusi, pengajian dan masjid-masjid.

Pedagang-pedagang juga datang ke Aceh bukan sahaja bertujuan untuk berdagang tetapi juga untuk mempelajari dan memperkembangkan ilmu agama yang ada di dalam dada-dada mereka kepada masyarakat di Aceh. Fenomena ini menggalakkan pertumbuhan institusi pengajian di Aceh dan juga kemajuan ilmu agama seperti ilmu Usuluddin, Fekah dan Tasawwuf. Aceh telah terkenal sebagai pusat perkembangan ilmu Tasawwuf ketika itu.

Institusi pengajian di zaman Kesultanan Melayu Aceh sudah begitu lengkap dan bersistematis yang bermula dari peringkat rendah, menengah dan tinggi. Di peringkat rendah institusi ini dikenali sebagai 'meunasah', di peringkat menengah tinggi pula disebut sebagai 'Balee', kumpulan dari beberapa 'Rangkang' dan 'Balee', akan melahirkan sebuah institusi pendidikan yang dikenali sebagai 'dayah'. Selain daripada institusi tersebut, pelajaran dan pendidikan Islam juga dijalankan di masjid.

Antara masjid-masjid yang terkenal digunakan untuk Pendidikan tinggi ialah Masjid Bayt ar-Rahim, Masjid Bayt al-Musyahadah dan juga Masjid Jami' Bayt al-Rahman. Masjid-masjid tersebut boleh dikatakan bertaraf Uni-

---

<sup>1</sup>Sila lihat Prof. Dr. Hamka, *Sejarah Umat Islam* hal. 568.

versiti kerana mempunyai beberapa fakulti.<sup>1</sup>

Selain dari pusat perkembangan ilmu pengetahuan agama. Aceh juga terkenal sebagai pusat kesusastraan. Ramai tokoh sasterawan yang sekaligus ulama muncul ketika itu. Umpamanya ialah Hamzah Fansury dan Nuruddin ar-Raniri. Tokoh-tokoh ini banyak mengeluarkan karya-karya mereka yang bermutu dan masih kekal hingga ke hari ini. Hamzah Fansury contohnya banyak menghasilkan karya berbentuk prosa dan puisi. Di antaranya ialah *Syaribul Asyqin* dan *Asrarul Arifin* yang merupakan karya sastera dan falsafah yang sukar difahami oleh orang awam. Syeikh Nuruddin ar-Raniri pula terkenal dengan bukunya yang berjudul '*Bustanul Salatin*', dan *Bukhari al-Jauhari* dengan kitab ketatanegaraannya "*Taj us-Salatin*".

Situasi perkembangan kegiatan keilmuan ini terus kekal hingga ke akhir hayat Institusi Kesultanan Aceh walaupun pengaruh politik dan kekuasaan Aceh telah hilang atau menjadi lemah. Inilah satu-satunya keistimewaan Aceh sebagai sebuah negara yang memungkinkan dan berperanan penting dalam perkembangan dan penyebaran Islam di Nusantara, hingga menjadikan sultan-nya adalah sultan yang agong dan kerajaannya dalam kerajaan yang kuat di segani dan dihormati oleh bangsa-bangsa di dunia.

Kerajaan Aceh Darussalam semakin memuncak dan mencapai zaman kegemilangan di bawah pucuk pimpinan Sultan Muda Mahkota Alam.<sup>2</sup> Baginda berjaya menguasai jalan perdagangan di pantai barat Pulau Sumatera dan juga jalan perdagangan di pantai timur pulau tersebut. Para pedangang asing dipaksa singgah di pelabuhan-pelabuhan Aceh. Menurut catatan seorang pedagang berbangsa Perancis yang datang ke Aceh pada tahun 1621, daerah yang berada di bawah kekuasaan Aceh ialah Labo, Singkil, Baros, Batanghari, pesaman, Tiku, perahan, Padang dan Silada.<sup>3</sup>

Daripada kenyataan yang dibuat oleh pedagang Perancis ini dapat kita rumuskan bahawa Kerajaan Aceh telah berjaya menguasai perdagangan lada hitam dan rempah di Nusantara melalui penguasaan pelabuhan-pelabuhan dan daerah-daerah perladangan lada hitam terutama di Pulau Sumatera.

Kesultanan Melayu Isiam Aceh pernah diperintah oleh raja atau sultan

---

<sup>1</sup>Dr. Hj. Abdullah Islam, *Islam Di Nusantara*, hal. 117.

<sup>2</sup>Baginda adalah sultan Aceh yang paling muda dan pintar. Baginda menaiki takhta semasa umurnya 17 tahun. Tempoh masa pemerintahannya ialah dari tahun 1607 hingga 1636.

<sup>3</sup>Marwati Djoened Poeppnegoro, *SEJARAH INDONESIA IV*, J. IV, Pn Balai Pustaka Jakarta, Cetakan 5 1984, hal. 66.

perempuan.<sup>1</sup> Pada masa pemerintahan mereka ini kegemilangan Aceh dari sudut kekuasaan politik telah menurun tetapi aceh terus berkembang dengan pesatnya dari sudut keilmuan malah Aceh telah menjadi pusat perkembangan kesusteraan dan kebudayaan yang gemilang dan maju. Perkembangan ini adalah berpunca daripada sikap sultan-sultannya yang cintakan budaya ilmu dan memberikan sokongan yang kuat kepada para ulama dan sasterawan di masa itu.

Usaha-usaha penyebaran Islam begitu meluas sekali termasuk melalui usaha-usaha para ulama, penaklukan dan penulisan. Aceh juga telah menjadi tempat berkumpulnya para ulama dan tempat penyelesaian masalah agama. Kerajaan ini terkenal dengan gelaran SERAMBI MEKAH. Gelaran ini menunjukkan betapa besarnya peranan Aceh dalam penyebaran Islam dan penghayatan kepada Islam itu sendiri sebagai al-Din (cara hidup). Kejayaan tentang kegiatan penyebaran ilmu pengetahuan dan dakwah di Aceh adalah juga berpunca dari minat serta sokongan yang diberikan oleh raja-raja atau sultan-sultan Aceh dalam segala bidang. Kegemilangannya ini khasnya di zaman sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan juga Sultan Iskandar Ihani.

Memang sudah diketahui umum bahawa Kerajaan Aceh merupakan sebuah kerajaan Islam yang dikenali sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan agong di Nusantara. Keagongan dan pengaruh kerajaan ini bermula kira-kira pada tahun 1520M, iaitu apabila Sultan Ali Mughayat Syah berjaya menakluki Daya dan melepaskan Aceh daripada kekuasaan Pidie. Kemasukan Islam ke Aceh kira-kira pada abad pertama Hijrah lagi dan disebarluaskan oleh kerajaan Fase.<sup>2</sup> Pengaruh kekuasaan Aceh ini meliputi negeri-negeri jirannya yang terletak di bahagian Utara, Pesisir Timur dan Barat Pulau Sumatera serta sebahagian semenanjung Tanah Melayu.

Keagongan dan kecermerlangan Aceh di dalam bidang politik ialah pada awal abad ke 16 hingga ke pertengahan abad ke 17 kerana Aceh turut mengembangkan politik, sosial, keintelektualan dan agama Islam di Nusantara. Aceh mempunyai pengaruh yang besar dan kuat dari kedua-dua sisi Selat Melaka,<sup>3</sup> di samping kedudukan geografinya yang strategik. Ini memandangkan kedudukan

---

<sup>1</sup> Prof. Dr. Hamka, dari *Perbandingan Lama*. Pustaka Panjimas, Jakarta, 1982, hal. 285.

<sup>2</sup> Tengku H. Abdullah Ujong Rimba, daerah manakah yang mula-mula menerima agama Islam di Indonesia, *Seminar Sejarah Masuk Dan Perkembangannya Islam di Aceh*, Bandar Aceh, 1978, hal. 2.

<sup>3</sup> Drs. HM. Ali Muhammad, bagaimana cara masuk dan berkembangnya Islam di Aceh, *Seminar...* hal. 4.

Aceh di hujung Barat laut sumatera yang menjadi tempat persinggahan kapal-kapal dagang yang berlayar melalui jalan perdagangan Timur dan barat. Berdasarkan faktor-faktor tersebutlah maka kekuasaan dan keagongan Aceh telah memberikan impek yang besar terhadap perkembangan tamaddun Islam di rantau sebelah sini dan kemudiannya merebak ke kawasan-kawasan Nusantara yang lain seperti Pattani, Kelantan dan lain-lain.<sup>1</sup>

Kerajaan Aceh yang dikenali sebagai sebuah negara yang merdeka ialah kira-kira 387 tahun. Ianya bermula pada tahun 1520 sehingga ketahun 1907.<sup>2</sup> Namun begitu zaman yang sangat penting bagi kerajaan ini ialah antara tahun 1520 hingga ke tahun 1675. Iaitu ketika Aceh diperintah oleh Sultan Ali Mughayat Syah hingga kepada Sultanah Tajul alam,<sup>3</sup> Sultan Aceh yang keempat belas. Kegemilangan aceh selepas abad ke 18 dan seterusnya semakin pudar dan malap walaupun kekuasaannya masih tertegak sebagai sebuah kerajaan. Di sini dapatlah disumpulkan bahawa, perkembangan dan keagongan kerajaan Aceh ini adalah hasil dari kesepadan dan sokongan yang jitu daripada pemerintah, ulama dan rakyat.

---

<sup>1</sup>Hamdan Hassan, peranan Aceh dalam pengembalangan Islam di Nusantara, *Seminar ...*, hal. 18.

<sup>2</sup>Sultan terakhirnya ialah Sultan Alaudin Mohd. Daud Syah. Telah ditawan oleh Belanda pada tahun 1907M dan dibuang di Jakarta.

<sup>3</sup>Baginda adalah seorang pemerintah wanita.